



PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA

No. Tel : 03 – 8870 4426
Emel : ukk@dof.gov.my
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

PENYERAHAN BANTUAN KEPADA GOLONGAN SASAR, PENYERAHAN LESEN SAMPAN KHAS DAN PELEPASAN BENIH IKAN KE PERAIRAN UMUM DAERAH PEKAN

20 Ogos 2023, Kuantan – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menyampaikan bantuan, lesen sampan khas kepada golongan sasaran dan melepaskan benih ikan ke perairan umum Daerah Pekan yang dihadiri sama oleh YB. Dato' Mohamad Nizar Bin Dato' Sri Mohamad Najib, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang.

Bagi sektor perikanan Negeri Pahang, pengeluaran ikan tahun 2022 adalah bernilai RM 1.145 bilion dimana melalui perikanan tangkapan (perikanan laut) sebanyak RM794.4 juta, akuakultur bernilai RM314.3 juta dan perikanan darat (perikanan sungai) bernilai RM 36.8 juta. Peranan para nelayan (laut dan darat), penternak akuakultur dan usahawan di seluruh Negeri Pahang amat penting bagi menjamin bekalan makanan mencukupi khususnya ikan.

Dalam memastikan kecukupan sumber bekalan ikan di negeri ini, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengadakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum secara berkala dan berterusan. Sejak tahun 2010 hingga kini, sebanyak 15.4 juta ekor benih ikan dan udang galah telah dilepaskan ke seluruh perairan umum Negeri Pahang. Antara spesies ikan yang telah dilepaskan adalah kelah, kerai, temoleh, baung, lampam sungai, terbul dan udang galah.

Di daerah Pekan, sebanyak 680,470 ekor benih ikan dan udang galah telah dilepaskan ke perairan umum dari tahun 2010 sehingga kini. Diharap dengan usaha yang dilakukan oleh jabatan perikanan malaysia ini dapat memulihara, meningkatkan stok ikan dan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai seterusnya meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat khususnya nelayan.

Pada hari ini sebanyak 20,000 ekor benih ikan yang terdiri daripada terbul (10,000 ekor) dan lampam sungai (10,000 ekor) dilepaskan ke perairan Sungai Pahang, Pekan. Bekalan benih ikan ini diperolehi daripada Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok, Jerantut, Pahang.

Jabatan Perikanan Malaysia juga telah menyerahkan lesen sampan khas kepada nelayan pantai di Negeri Pahang. Lesen sampan khas ini dikeluarkan apabila terdapat kekosongan daripada jumlah bilangan (kuota) mana-mana lesen perikanan pantai.

Penentuan kuota ini diambil kira berasaskan kajian sumber di sesuatu perairan yang ditentukan berasaskan bilangan vesel, jenis peralatan dan bilangan nelayan sedia ada. Pada tahun 2023 ini, sebanyak 43 lesen sampan khas telah diluluskan kepada nelayan pantai terlibat yang meliputi Daerah Pekan (17 orang), Kuantan (20 orang) dan Rompin (6 orang). Pada hari ini, sebanyak 17 lesen sampan khas akan diserahkan kepada nelayan pantai di Daerah Pekan.

Seramai 21 orang Ketua Jaringan Perikanan (KJP) yang melibatkan nelayan laut dan nelayan darat turut akan menerima bantuan kit keselamatan daripada pihak jabatan.

Jabatan Perikanan Malaysia turut menganjurkan Program Jelajah Perikanan “Rasa-Rasa Akuakultur” Negeri Pahang Tahun 2023 pada 19 Ogos 2023 di Bangunan MARA Negeri Pahang, Kuantan. Pada program tersebut, Ybhg. Dato’ Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia telah menyerahkan bantuan kepada kumpulan sasar negeri Pahang yang merangkumi penyerahan bantuan SPeKS Pengembangan kepada 7 usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) yang bernilai RM 155,490.00, bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) kepada 2 usahawan yang bernilai RM 40,000.00, bantuan benih ikan kepada penternak akuakultur serta bantuan Kit Keselamatan kepada Ketua Jaringan Perikanan (KJP) Daerah Kuantan.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my; pro@dof.gov.my